

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MAC 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia Perlu Wujudkan Pusat Media Sains – Ewon Ebin	BERNAMA
2.	Cybersecurity bantu mangsa banjir	Harian Metro

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 18 MAC 2015 (RABU)



Malaysia Perlu Wujudkan Pusat Media Sains - Ewon Ebin

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Pusat Media Sains (PMS) perlu diwujudkan di negara ini bagi merapatkan jurang komunikasi antara golongan saintis dan orang awam, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Beliau berkata dengan adanya PMS, pengamal media dan saintis dapat bekerjasama dalam menyampaikan maklumat saintifik secara lebih berkesan serta mudah difahami.

"Sesetengah isu seperti wabak penyakit, kesan pemanasan global terhadap kesihatan dan pertanian perlu pendekatan sistematik dan mudah, tetapi maklumat itu biasanya disampaikan menggunakan 'istilah' yang sukar difahami.

"Salah satu pendekatan yang dipraktikkan oleh negara membangun seperti United Kingdom, Australia, Kanada adalah membentuk 'Science Media Centre', maka Malaysia juga perlu ada pusat itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Saintis Muda Tentang Komunikasi Sains Berkesan Abad Ke-21 di sini, hari ini.

Bengkel dua hari bermula semalam itu anjuran bersama Akademi Sains Malaysia (ASM), Rangkaian Saintis Muda ASM dan APEC, disertai 85 saintis muda daripada negara anggota APEC.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Urusan ASM Hazami Habib berkata bengkel tersebut bagi mengumpul sebanyak mungkin maklumat berkaitan sains komunikasi daripada semua peserta negara anggota APEC untuk dijadikan resolusi.

"Peserta akan diberi tugas untuk dilaksanakan di negara masing-masing dan selepas enam bulan mereka akan bentangkan hasil tugas itu pada September nanti di sini," katanya.

Hazami berkata antara tajuk tugas yang boleh dipilih oleh peserta ialah Sains dan Media, Sains dan Pembuat Dasar, Sains dan Kesedaran Awam dan Sains dan Ekonomi.

"Diharapkan bengkel ini dapat menghasilkan pakar-pakar sains komunikasi and menyediakan asas kukuh bagi kerjaya sains komunikasi," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@Metro): MUKA SURAT v7
TARIKH: 18 MAC 2015 (RABU)



ABU Bakar (memegang bendera) melepaskan peserta jelajah.

Cybersecurity bantu mangsa banjir

Ops Selajah Cyber yang menjadi inisiatif agensi keselamatan, **Cybersecurity Malaysia (CSM)** memulihkan perkakasan elektronik milik mangsa banjir yang musnah akibat bencana alam di pantai timur pada Disember lalu dilancarkan, baru-baru ini.

Ia dilancarkan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Md Diah yang memaklumkan jelajah itu membantu mangsa banjir mendapat-

kan semula maklumat, data dan imej yang disimpan dalam gajet elektronik seperti komputer, telefon, kad SIM dan kad memori.

"Program jelajah siber ini tepat bagi membantu mangsa banjir memperoleh semula data yang musnah menggunakan teknologi canggih forensik digital," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Dr Amiruddin Abdul Wahab berkata, mangsa banjir di pantai timur hanya perlu membawa media setoran di-

gital yang ditenggelami air untuk dibaik pulih serta dokumen pengenalan peribadi.

"Senaraikan jenis data atau fail yang ingin dibaik pulih seperti dokumen MS Office, fail multimedia dan sebagainya selain perlu membawa setoran lain yang baru untuk menyimpan data yang sudah dibaik pulih," katanya.

Jelajah itu kini bermula dan akan berakhir pada pertengahan April nanti.